

# PENYEBAB KANSER SERVIKS



## KANSER SERVIKS

Di Malaysia, kanser serviks atau barah pangkal rahim adalah kanser ketiga paling banyak dihadapi wanita. Ia merangkumi 12 peratus daripada semua kanser dalam kalangan wanita selepas kanser payudara dan kanser kolon (usus besar).

Pelbagai kesedaran kesihatan berkaitan kanser serviks dianjurkan di Malaysia dan secara global sebagai langkah membendung penyakit tular ini seawal di bangku sekolah. Jangkitan papillomavirus manusia (HPV) penyebab utama kanser serviks. Dewasa ini semakin banyak bukti menunjukkan HPV menjadi faktor relevan dalam kanser anogenital



lain (anus, vulva, vagina dan zakar) serta kanser kepala dan leher.

Jenis HPV 16 dan 18 ialah strain yang bertanggungjawab untuk kira-kira 70 peratus daripada semua kanser serviks di seluruh dunia. HPV sering disebarkan ketika persetubuhan faraj atau dubur. Ia juga

boleh disebarkan melalui hubungan kemaluan (genital to genital contact), atau melalui sentuhan tangan ke bahagian sulit.

Oleh yang demikian, wanita yang tidak pernah melakukan hubungan seks juga berisiko terdedah kepada kanser ini. Vaksin HPV diberikan percuma

pada 2010 oleh kerajaan Malaysia kepada pelajar berumur 13 tahun sebagai langkah perlindungan pertama daripada kanser serviks. Vaksin ini berpotensi mengurangkan kejadian kanser anogenital yang lain.

Suntikan vaksin bertindak merangsang

sistem pertahanan badan untuk menghasilkan antibodi terhadap virus HPV. Apabila terdedah kepada jangkitan HPV antibodi ini akan menghalang kemasukan atau jangkitan virus HPV ke atas wanita berkenaan.

Bagaimanapun, kesan optimum daripada vaksin ini cuma diperoleh oleh wanita yang belum terdedah kepada hubungan seks. Kanser serviks berkembang pada serviks wanita (masuk ke rahim dari faraj). Kanser serviks tidak mempunyai gejala pada peringkat awal.

Simptom paling biasa pendarahan faraj luar biasa yang boleh berlaku selepas hubungan seks antara tempoh haid atau selepas menopause. Gejala lain yang dikaitkan dengan kanser serviks termasuk:

- Keputihan luar biasa dalam jumlah, warna, konsistensi atau bau
- Buang air kecil lebih kerap
- Sakit perut
- Sakit ketika membuang air kecil

Selama bertahun, sel-sel yang melapisi permukaan serviks menjalani satu siri perubahan. Dalam

kes yang jarang berlaku, sel-sel precancerous boleh menjadi kanser. Bagaimanapun, perubahan sel dalam serviks boleh dikesan pada peringkat awal dan rawatan dapat mengurangkan risiko perkembangan kanser serviks.

## DIAGNOSIS KANSER SERVIKS

Doktor boleh mendiagnosis kehadiran sel-sel kanser yang tidak normal dan berpotensi melalui ujian pap smear. Sampel atau swab yang diambil daripada bahagian serviks anda akan dihantar ke makmal untuk memeriksa sel pramatang atau kanser.

Persatuan Kanser Amerika mengesyorkan wanita memulakan pemeriksaan kanser serviks iaitu melakukan pap smear pada usia 21 sehingga 30 tahun. Apabila anda berusia 30 tahun, anda harus terus menjalani ujian pap setiap tiga tahun berikutnya. Ujian saringan pap smear perlu dilakukan oleh setiap wanita kerana vaksin HPV hanya mampu mencegah 70 peratus daripada menghidap kanser serviks.